

BERITA HARIAN

DATE: 1 / 5 / 2010

# Kreativiti, penciptaan jadi fokus

BH - 1/05/2010

## Pekerja perlu pertingkatkan produktiviti, transformasi ekonomi negara: Najib

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menggesa pekerja negara ini supaya menjadikan kreativiti dan penciptaan semula sebagai fokus tahun ini dalam usaha meningkatkan produktiviti dan transformasi ekonomi negara.

"Dengan menginovasikan produk dan proses merangkumi semua sektor ekonomi, kita mampu meningkatkan kekayaan dan daya saing pada peringkat dunia supaya kita juga mampu berdiri sama tinggi dengan negara

membangun seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Finland," kata Perdana Menteri dalam amanat Hari Pekerja 2010 di sini, semalam.

Najib berkata, walaupun ada pelbagai jalan berbeza untuk mencapai kejayaan, menginovasi, mendapatkan, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik adalah satu daripadanya, sementara melabur di dalam industri masa hadapan juga perlu dilakukan.

"Apa pun kaedahnya, saya menggalakkan anda semua

untuk menjadikan kreativiti dan penciptaan semula sebagai fokus anda bagi tahun ini. Marilah kita sama-sama berani melakukan kelainan dan lihat hasilnya," katanya.

Najib turut melahirkan kekagumannya dengan daya cipta Jepun semasa mengadakan lawatan ke loji kitar semula di negara itu ketika lawatannya ke Negara Matahari Terbit, minggu lalu.

"Teknologi termaju mereka dalam bidang alam sekitar dan tenaga boleh diperbaha-

ruai sememangnya benar-benar mengagumkan," katanya.

Najib berkata, ketika lawatan Perdana Menteri Finland, Matti Vanhanen ke Malaysia dua hari lalu pula membuatnya teringat kejayaan negara itu untuk menginovasi, seperti pencapaian Nokia, satu jenama yang tidak asing di negara ini.

Perdana Menteri berkata, pada tahun lalu beliau menekankan aspek pencapaian luar biasa pekerja Malaysia dalam bidang sosial dan eko-

nomi, dan usaha mereka menarik perhatiannya.

"Namun saya percaya kita perlu terus meningkatkan usaha jika berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi," katanya.

Beliau berkata, status negara yang berpendapatan tinggi amat perlu jika rakyat mahu menikmati taraf hidup yang lebih baik, peluang pekerjaan yang lebih banyak dan pembangunan rangkaian keselamatan sosial. - Bernama